

MAHKAMAH
& JENAYAH

Henti buat spekulasi

Forensik JBPM
masih
meneruskan
siasatan di lokasi
kebakaran

NOR KHALILAH GUSTI
HASSAN

KUANTAN

Masyarakat diminta tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan siasatan terutama identiti mayat yang ditemukan dalam tragedi kebakaran 32 unit rumah dan sebuah perpustakaan di Sungai Lembing di sini Sabtu lalu.

Pegawai Penyiasat Kanan Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Mohd Saharul Nizam Abdul Rahim berkata, pihak bomba tidak pernah mengeluarkan kenyataan berhubung jantina mangsa.

Menurutnya, hasil



Forensik bomba sedang menjalankan siasatan di lokasi kebakaran di Sungai Lembing semalam.

siasatan awal pihaknya memperoleh maklumat daripada saksi awam bahawa sebuah unit yang terlibat kebakaran didiami dua penghuni warga emas.

"Kita menemui mayat seorang mangsa dan masih meneruskan siasatan berhubung seorang lagi penghuni rumah tersebut. Forensik Kebakaran Bom-

ba menjalankan siasatan secara saintifik dan perlu dijalankan secara terperinci dengan mengambil kira pelbagai aspek.

"Ketika ini pasukan forensik sedang membuat excavation (penggalian) untuk membuat pencarian yang lebih teliti supaya kita tidak terlepas sebarang bukti atau petunjuk," katanya ketika

ditemui di lokasi kebakaran di Jalan North Canton Street di sini semalam.

Katanya, pihaknya meminta masyarakat untuk menghormati siasatan pihak forensik bomba.

"Berhenti membuat spekulasi dan hormatilah juga perasaan keluarga yang sentiasa memberikan kerjasama baik kepada kita," katanya.